

e-TAP BERTERASKAN IoT PANTAU KEHADIRAN STAF

DURIAN TUNGGAL, 10 Mei 2020 – Seiring keperluan kawalan semasa dan berteraskan teknologi internet benda (IoT), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya membangun dan melaksanakan UTeM Entry IoT Access Point System (e-TAP). Menurut Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim, pembangunan dan pelaksanaan Sistem e-TAP ini merupakan inisiatif UTeM bagi memudahkan pemantauan serta kawalan masuk staf ke kampus semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Antara objektif lain sistem ini adalah bagi memastikan hanya staf yang disahkan sihat dan diluluskan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab dibenarkan hadir ke UTeM. Pelaksanaan sistem ini juga berjaya mempercepat serta melancarkan proses kenderaan staf ketika masuk menerusi pintu masuk UTeM apabila staf hanya perlu memaparkan hasil output sistem ini pada skrin telefon tangan masing-masing kepada petugas Polis Bantuan UTeM.

Mengulas perihal pembangunan sistem ini, Ketua Pegawai Maklumat (CIO) UTeM, Mohd Isa Mohd Dom berkata, sistem ini dibangunkan oleh Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan

Komunikasi (PPPK) UTeM dalam tempoh tiga hari sahaja. Dari segi proses dan pelaksanaan aplikasinya, terlebih dahulu staf perlu membuat saringan kesihatan melalui *Health Declaration Form* (HDF) dan keputusannya ditentukan oleh Pusat Kesihatan UTeM.

Pada masa yang sama staf, perlu mendapatkan kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing bagi permohonan staf untuk hadir ke pejabat menerusi Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM). Kedua-dua maklumat ini akan diproses dalam sistem ini lalu memberikan output sama ada staf dibenarkan memasuki kampus UTeM ataupun sebaliknya. Menerusi sistem ini, kelayakan kehadiran staf ditunjukkan melalui tiga warna sahaja, sama ada hijau, merah atau kuning. Bagi staf yang mempunyai paparan hijau sahaja dibenarkan memasuki kampus UTeM.

Sehubungan dengan itu, staf boleh membuat semakan secara harian di rumah sebelum hadir ke pejabat, selain hanya perlu memaparkan skrin telefon kepada pihak keselamatan yang bertugas di Pos Keselamatan UTeM sebelum dibenarkan masuk ke kampus.

Menurut Dr. Raha, antara impak positif daripada pelaksanaan sistem ini termasuklah penjimatan masa serta



Staf UTeM memaparkan skrin telefon masing-masing berwarna hijau setelah diproses melalui Sistem e-TAP.

pengurusan efektif dalam pemantauan kehadiran staf, di samping penjimatan kos kerana sistem ini dibangunkan dengan menggunakan kepakaran dalaman staf UTeM. Sistem seumpama diharapkan oleh beliau agar dapat diadaptasi di organisasi lain kerana berupaya meningkatkan produktiviti rantaian jabatan dalam organisasi.

Sistem e-TAP juga jelas menzahirkan rantaian pengurusan efisien antara jabatan terlibat seperti Pusat Kesihatan Universiti, Bahagian Governan dan Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar, Pejabat Keselamatan UTeM serta PPPK. [www.utm.edu.my](#)